

6) RUMAH SETINGGAN JALAN PAPAN PANDAMARAN

Adun : Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Adakah Kerajaan Negeri dapat membantu untuk tarik balik saman pemaju terhadap peneroka Jalan Papan, Pandamaran?**

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 29 November 2024, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah memutuskan bahawa tuntutan yang dibuat oleh pemaju Melati Ehsan Sdn. Bhd. mempunyai merit selaku pemilik tanah untuk mengambil sebarang tindakan yang diperlukan ke atas tanah hakmiliknya termasuk melaksanakan tindakan pengusiran terhadap mana-mana orang yang menduduki tanah pemaju tersebut secara tidak sah. Susulan daripada keputusan tersebut, peneroka bandar terlibat telah membuat satu permohonan untuk menggantung perintah mahkamah dan membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Selaras dengan prinsip pemisahan kuasa antara badan eksekutif (kerajaan), badan kehakiman (mahkamah) dan badan perundangan (Dewan Undangan Negeri atau Parlimen), Kerajaan Negeri adalah bukan pihak berkepentingan yang terlibat dan sebarang keputusan yang dibuat oleh mahkamah harus dihormati.

- b) Apakah tindakan susulan Kerajaan Negeri untuk membantu peneroka Jalan Papan?**

Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 6/2018 bertarikh 28 Februari 2018 yang mana pemaju perlu melaksanakan pembangunan kediaman yang merangkumi:-

- i. 123 penama menerima tawaran rumah teres 20'x70' dengan tawaran harga RM99,000.00.
- ii. 58 penama menerima tawaran Rumah Selangorku Jenis B dengan keluasan 800kps pada tawaran harga RM99,000.00 dengan dikecualikan daripada syarat-syarat Rumah Selangorku.

- iii. Sejumlah 30 keluarga yang masih mempunyai struktur di tapak (Jalan Papan), sekiranya layak dengan syarat Rumah Selangorku ditawarkan dengan rumah kos sederhana dengan harga pasaran atau Rumah Selangor Jenis B, dengan keluasan 800kps dengan tawaran harga RM99,000.00.

Sebarang penyelarasan berkenaan pelaksanaan penyelesaian penempatan peneroka bandar Jalan Papan akan dibuat setelah pembicaraan rayuan keputusan tersebut selesai di mana pemaju bertanggungjawab membina rumah kepada peneroka terbabit sebagai balasan pemberimilikan tanah Jalan Papan daripada Kerajaan Negeri.

